
K. P.U. 6.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2010

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

BAHASA IKLAN

3. Bahasa iklan
4. Penggunaan bahasa kebangsaan yang betul
5. Penggunaan tanda "Halal"
6. Penggunaan tulisan jawi

BAHAGIAN III

PELESENAN IKLAN

7. Pelesenan iklan
8. Permohonan bagi suatu lesen
9. Tempoh sah lesen
10. Iklan dipamerkan tanpa lesen
11. Pindah milik lesen
12. Iklan yang dikecualikan daripada lesen
13. Lesen jangka pendek

Undang-undang Kecil

14. Permohonan bagi lesen jangka pendek
15. Pelucuthakkan deposit
16. Pembayaran balik deposit
17. Pembatalan lesen

BAHAGIAN IV**PENYENGGARAAN IKLAN**

18. Iklan hendaklah dalam keadaan baik
19. Penyenggaraan iklan
20. Penurunan iklan

BAHAGIAN V**IKLAN YANG DILARANG**

21. Iklan yang dilarang

BAHAGIAN VI**PELBAGAI**

22. Anggapan
23. Penalti
24. Kompaun
25. Pemansuhan dan peralihan

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2010**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Kulim membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan mula kuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Kulim) 2010**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulim.

Tafsiran

2. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profesion, firma, pertubuhan, organisasi, institusi, tempat, premis, acara, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain di atas apa-apa dinding adang, papan, papan iklan, sepanduk, atap dinding, pagar pancang, pagar, pokok, rangka, plet, kain, jeriji, tiang, dawai, bingkai, kenderaan, papan elektronik, hologram, menara setiang atau dengan menggunakan cahaya laser atau apa-apa struktur atau rekaan lain atau mana-mana bahagian struktur atau rekaan lain itu, di atas, di dalam atau mana-mana bangunan, jalan, tempat peranginan awam atau mana-mana tanah dan termasuklah tanda langit, belon, banting, sepanduk, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidak termasuk suatu iklan pilihanraya;

“iklan bercahaya” ertinya mana-mana iklan yang diterangi secara rekaan atau penyerapan sumber cahaya tiruan dalaman atau luaran secara terus atau melalui pemantulan cahaya samada membentuk sebahagian daripada iklan itu atau tidak;

“iklan masyarakat sosial” ertinya suatu iklan berarah sementara yang didirikan atau dipamerkan bagi tempoh tidak lebih daripada tujuh hari di sepanjang hak lalu lalang awam oleh seseorang untuk memberi arahan ke suatu majlis tertutup, sosial atau masyarakat

“iklan sementara” ertinya apa-apa iklan yang dipamerkan bagi suatu tempoh jangka pendek dan hendaklah termasuk sepanduk, tanda, panji-panji, iklan perayaan, iklan kembung dan iklan promosi;

“iklan yang dilarang” ertinya iklan yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 21 dan termasuklah iklan rangka-A, tanda kolumn, tanda melunjur dan tanda atap;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kulim;

“nombor bersiri iklan” ertinya suatu siri abjad dan/atau nombor yang dikeluarkan oleh Majlis kepada lesen iklan yang siri abjad dan/atau nombor itu hendaklah dipamerkan di atas iklan berkenaan;

“Pegawai Yang Diberi Kuasa” ertinya mana-mana Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan samada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

(2) Dalam Undang-undang Kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya, mempamerkan atau mengarahkan supaya dipamerkan iklan dan hendaklah disifatkan termasuk—

- (a) tuan punya atau penduduk tanah di mana iklan itu dipamerkan; atau
- (b) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenainya barang, tred, perniagaan, profesion, peristiwa atau urusan lainnya, publisiti diberikan melalui iklan itu.

BAHAGIAN II

BAHASA IKLAN

Bahasa iklan

3. (1) Setiap iklan hendaklah dalam bahasa kebangsaan samada dalam bahasa kebangsaan semata-mata atau bersama-sama dengan mana-mana bahasa lain.

(2) Jika iklan adalah dalam bahasa kebangsaan serta juga dalam apa-apa bahasa lain, huruf-huruf atau tulisan-tulisan, perkataan-perkataan dalam bahasa atau bahasa-bahasa lain itu hendaklah berukuran tidak lebih dari kadar setengah huruf-huruf bagi perkataan dalam bahasa kebangsaan dan hendaklah juga tidak melebihi separuh daripada keluasan yang digunakan bagi bahasa kebangsaan atas iklan itu.

(3) Seseorang tidak boleh mempamerkan, mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan apa-apa iklan yang tidak mematuhi perenggan (1) dan (2).

(4) Walau apapun perenggan (3), jika nama sesebuah firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain sebagaimana yang daftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 tidak terdiri daripada atau termasuk perkataan dalam bahasa kebangsaan, maka perkataan itu tidak perlu diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan.

Penggunaan bahasa kebangsaan yang betul

4. Jika Majlis berpendapat bahawa bahasa kebangsaan telah tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana iklan, Majlis boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan orang yang mempamerkan atau mendirikan iklan itu atau yang menyebabkan atau membentarkan iklan itu dipamer atau didirikan, supaya meminda iklan itu untuk membetulkan kesilapan itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis itu.

Penggunaan tanda “Halal”

5. (1) Tiada seseorang pun boleh menggunakan tanda “Halal”, “Ditanggung Halal” atau perkataan-perkataan lain yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah diproses, dimasak atau dibuat menurut cara Islam atau bahawa makanan itu tidak mengandungi apa-apa benda yang ditegah bagi seorang Islam melainkan orang itu telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Majlis.

(2) Sebelum memberi kelulusan di perenggan (1), Majlis boleh menghendaki bukti yang memuaskan bahawa makanan itu tidak ditegah oleh agama Islam untuk dimakan oleh orang Islam.

Penggunaan tulisan jawi

6. Mana-mana iklan yang dipamerkan atau didirikan dengan menggunakan tulisan jawi adalah digalakkan.

BAHAGIAN III

PELESENAN IKLAN

Pelesenan iklan

7. (1) Seseorang tidak boleh mempamerkan atau mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan apa-apa iklan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Sesuatu iklan yang diberi atau diperbaharui itu hendaklah sah hanya bagi bangunan di mana iklan itu dibenarkan pada asalnya dan tidak boleh dipindahmilik.

(3) Sesuatu iklan yang dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah ditunjukkan hanya dalam kawasan atau lokasi yang diluluskan oleh Majlis sahaja.

Permohonan bagi suatu lesen

8. (1) Suatu permohonan bagi lesen yang disebut dalam undang-undang kecil 3 hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) jika terpakai, bagi permohonan iklan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, salinan kelulusan yang diperakui sah bagi semua kelulusan yang diberikan oleh Majlis, termasuk kelulusan kebenaran perancangan, pelan bangunan, pelan landskap dan jalan, dan butir-butir syarat, jika ada, yang dilampirkan kepada mana-mana kelulusan itu;
- (b) butir-butir iklan yang dicadangkan yang termasuklah tempoh cadangan bagi mempamerkan iklan itu, mesej yang akan dipamerkan, spesifikasi sivil, mekanikal, struktur, elektrikal dan elektronik bagi iklan itu yang disahkan dengan sepenuhnya oleh pakar yang berkaitan;
- (c) bukti pemunyaan, penyewaan, pajakan atau sesalinan lesen daripada pemilik berdaftar, penyewa atau pemajak tanah yang di atasnya iklan itu dicadangkan untuk ditempatkan;
- (d) suatu salinan perakuan pendaftaran yang diperakui sah bagi firma, perbadanan, syarikat, persatuan, koperasi atau mana-mana organisasi yang berniat untuk mendirikan atau mempamerkan iklan yang dicadangkan itu; dan
- (e) apa-apa dokumen lain, pelan sokongan dan maklumat dalam apa-apa jua bentuk atau mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Majlis.

(2) Majlis hendaklah menimbangkan permohonan untuk dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika Majlis meluluskan permohonan itu, suatu lesen hendaklah dikeluarkan—

- (a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (b) dengan suatu nombor bersiri yang hendaklah ditunjukkan di penjuru kanan di atas iklan itu;
- (c) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama;
- (d) apabila dibayar deposit sejumlah separuh dari kadar fi lesen; dan
- (e) bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(4) Majlis hendaklah menimbangkan pengelasan penggunaan premis yang akan menempatkan iklan itu untuk menentukan kadar fi yang akan dibayar.

(5) Jika lesen itu diberikan bagi suatu tempoh kurang daripada satu tahun, fi yang kena dibayar bagi lesen itu hendaklah dikira atas asas bulan ke bulan berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, dan bagi maksud Undang-undang Kecil ini, sebahagian daripada satu bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

(6) Seseorang hendaklah membuat suatu permohonan yang baru jika iklan itu telah dialih atau diubah suai dengan apa jua cara.

(7) Majlis boleh menghendaki apa-apa butir firma, perbadanan, syarikat, persatuan, koperasi atau apa-apa organisasi bagi maksud Undang-undang Kecil ini.

(8) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(9) Mematuhi syarat-syarat tambahan yang akan dikenakan oleh Majlis dari masa ke semasa.

Tempoh sah lesen

9. (1) Majlis boleh mengeluarkan lesen bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari sesuatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Iklan dipamerkan tanpa lesen

10. Walau apapun undang-undang kecil 7 dan tanpa menyentuh undang-undang kecil 25, jika Majlis meluluskan penahanan mana-mana iklan yang telah dipamerkan tanpa lesen, suatu fi yang tidak melebihi empat (4) kali ganda lesen fi tahunan bagi iklan itu hendaklah kena dibayar berkenaan dengan lesen itu apabila lesen itu diberikan.

Pindah milik lesen

11. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh memindahkan lesennya kepada mana-mana orang kecuali dengan kelulusan Majlis terlebih dahulu.

(2) Suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dan Majlis boleh, atas budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan tersebut. Bayaran proses pindah milik adalah tidak melebihi RM50.00.

Iklan yang dikecualikan daripada lesen

12. (1) Walau apapun undang-undang kecil 7, seseorang dikecualikan daripada pembayaran fi lesen bagi iklan yang berikut:

- (a) nombor jalan;
- (b) plat nama pada rumah yang menunjukkan nama dan/atau alamat penghuni;
- (c) iklan yang menunjukkan bahan-bahan berbahaya, sama ada mengandungi maklumat tentang bahan-bahan sedemikian atau tidak;
- (d) iklan yang memberikan arahan bagaimana untuk masuk atau keluar daripada sesebuah harta, jualan, penggunaan peralatan atau maklumat berhubung dengan keselamatan dan saiz iklan itu hendaklah munasabah untuk menyampai maklumat kepada penerima yang dimaksudkan;
- (e) apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis, mahkamah, badan awam atau pegawai awam dalam menjalankan tugas rasminya;
- (f) bendera rasmi bagi Malaysia dan mana-mana negeri di Malaysia, perbadanan dan negara asing;
- (g) bendera rasmi mana-mana firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau apa-apa organisasi lain yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 yang dinaikkan di atas tiang yang diluluskan dalam harta firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau apa-apa organisasi lain itu;
- (h) iklan masyarakat sosial;
- (i) iklan yang dipamerkan dalam premis perniagaan; dan
- (j) apa-apa iklan lain yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan (j) boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa.

Lesen jangka pendek

13. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Majlis suatu lesen jangka pendek untuk mempamerkan apa-apa iklan sementara.

(2) Iklan sementara itu hendaklah diturunkan pada tarikh lesen iklan sementara itu luput dan pemegang lesen iklan sementara hendaklah bertanggungjawab bagi penurunan iklan itu.

Permohonan bagi lesen jangka pendek

14. (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen jangka pendek hendaklah dibuat kepada Majlis dalam apa-apa bentuk dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen, pelan sokongan dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Majlis bagi permohonan itu.

(2) Majlis hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika Majlis meluluskan permohonan di bawah perenggan (2), suatu lesen iklan jangka pendek hendaklah dikeluarkan—

(a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis;

(b) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan

(c) apabila dibayar deposit sejumlah separuh dari kadar fi lesen.

Pelucuthakkan deposit

15. (1) Jika Majlis berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini, Majlis boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucuthakkan deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 8 atau 14 secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya.

(2) Jika pelucuthakkan deposit itu sebahagian sahaja, jumlah yang tidak dilucuthak itu hendaklah dibayar balik kepada pemegang lesen itu tanpa faedah atas jumlah itu.

(3) Apabila deposit itu dilucuthak, lesen itu hendaklah disifatkan telah terbatal, melainkan jika Majlis, atas permohonan pemegang lesen membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucuthak itu.

Pembayaran balik deposit

16. Tertakluk kepada undang-undang kecil 15, deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 8 atau 14 hendaklah dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa faedah atas jumlah yang didepositkan itu selepas penamatan atau pembatalan lesennya dan penurunan iklan itu.

Pembatalan lesen

17. (1) Majlis boleh, tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lesen iklan:

Dengan syarat Majlis hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemegang lesen dua (2) minggu sebelum membuat pembatalan itu.

(2) Jika sesuatu lesen dibatalkan, orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah menurunkan iklan yang berhubung dengan lesen itu dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembatalan.

(3) Pampasan tidak boleh dibayar kepada mana-mana orang apabila terbatalkan sesuatu lesen.

BAHAGIAN IV

PENYENGGARAAN IKLAN

Iklan hendaklah dalam keadaan baik

18. Semua iklan hendaklah diselenggarakan dalam keadaan yang baik, bersih dan memuaskan pada setiap masa.

Penyenggaraan iklan

19. (1) Majlis boleh, melalui notis bertulis, memerintahkan mana-mana orang yang mendirikan atau mempamerkan mana-mana iklan untuk mengecat semula, menggantikan atau membersihkan iklan itu dalam apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika iklan itu berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau kegusaran kepada orang awam, Majlis boleh melalui notis secara bertulis, memerintahkan orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan itu mengubah suai iklan itu dengan apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh Majlis atau lesennya telah dikecualikan di bawah undang-undang kecil 12, Majlis tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku kepada mana-mana orang atau harta oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

Penurunan iklan

20. (1) Majlis boleh mengarahkan penurunan secara terus atau penghapusan mana-mana iklan, termasuklah mana-mana struktur yang didirikan khas bagi iklan itu dalam hal keadaan yang berikut:

(a) iklan itu berada dalam keadaan yang buruk;

(b) iklan itu berlainan daripada yang diluluskan oleh Majlis; atau

(c) iklan itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang munasabah dan melaksanakan penurunan atau penghapusan mana-mana iklan jika arahan penurunan atau penghapusan secara terus iklan di bawah perenggan (1) tidak dipatuhi.

(3) Perbelanjaan yang dikenakan bagi penurunan atau penghapusan iklan di bawah perenggan (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan itu atau pemunya atau penduduk premis yang di atasnya iklan itu didirikan atau dipamerkan.

(4) Majlis boleh, bagi maksud memperbaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur, menurunkan mana-mana iklan walaupun lesen iklan bagi iklan itu masih sah dan tiada pembayaran balik wang akan dibuat kepada pemegang lesen iklan berkenaan lesen itu.

(5) Majlis tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa dalam menjalankan peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

BAHAGIAN V

IKLAN YANG DILARANG

Iklan yang dilarang

21. Iklan yang berikut adalah dilarang daripada didirikan atau dipamerkan di kawasan Majlis melainkan jika iklan itu diluluskan oleh Majlis:

- (a) iklan yang menyebabkan bahaya kepada trafik seperti iklan yang menggunakan lampu yang bercahaya atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau boleh berubah-ubah, iklan yang menyerupai iklan jalan dan lalu lintas atau isyarat trafik, iklan yang menggunakan bahan-bahan yang melantunkan cahaya yang boleh mengakibatkan gangguan penglihatan, iklan yang mengakibatkan tahap silau yang berlebihan atau pencahayaan kepada tahap yang membahayakan dan iklan yang menghalang garis pandangan mana-mana lengkok, selekoh, pusingan, persimpangan dan lintasan kenderaan;
- (b) iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam atau yang dipasangkan di mana-mana harta awam;
- (c) iklan yang beranimasi, bergerak, berayun, berputar, bercahaya, berkelip, bersinar, berubah dan/atau mengandungi sinaran imej yang boleh berubah dan termasuklah lampu limpah, cahaya lampu kalimantan atau laser melainkan jika iklan itu ditempatkan di tempat yang dikhaskan oleh Majlis;
- (d) iklan yang tidak berkaitan dengan premis yang padanya iklan itu dipasang;
- (e) iklan yang mempunyai lapang mendatar atau menegak yang kurang dari pendawaian tenaga elektrik hidup atau komunikasi yang dibenarkan daripada yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan dan/atau kaedah-kaedah agensi-agensi berkenaan;
- (f) iklan yang ditempatkan di atas atau merupakan sebahagian daripada atap atau cucur atap sesuatu bangunan melainkan jika iklan itu tidak melebihi ketinggian garis atap;

-
- (g) iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;
 - (h) iklan yang mempunyai gambar perempuan yang mendedahkan tubuh badan;
 - (i) iklan yang mempamerkan atau memperagakan jenama-jenama minuman yang memabukkan, kecuali iklan yang dipamerkan di hadapan premis yang telah dilesenkan untuk tujuan jualan bahan-bahan berkenaan; dan
 - (j) apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarang oleh Majlis daripada didirikan atau dipamerkan di kawasan Majlis dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Anggapan

22. Dalam mana-mana pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa—

- (a) mana-mana iklan yang didirikan atau dibina di atas atau di dalam mana-mana premis dipamerkan oleh atau dengan kebenaran pemunya atau penduduk premis itu;
- (b) mana-mana iklan mengenai sesuatu keluaran yang telah dipamerkan oleh pengilang keluaran itu, atau mengenai sesuatu keluaran import oleh ejen tunggal tempatan atau pengedar tempatan bagi keluaran itu; dan
- (c) mana-mana iklan mengenai sesuatu pertunjukan telah dipamerkan oleh pengajur pertunjukan itu atau, jika pengajur tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya hasil jualan tiket bagi pertunjukan itu akan dibayar atau oleh orang yang akan mendapat keuntungan dari iklan itu.

Penalti

23. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kompaun

24. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun apa juar kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini dengan mengutip dari orang yang melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima ratus ringgit.

Pemansuhan dan peralihan

25. (1) Undang-Undang Kecil Iklan (Penguasa-Penguasa Tempatan) Negeri Kedah 1982 adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[undang-undang kecil 8 dan 10]

FI LESEN

JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA DIBAYAR (RM)				
		Kadar Komersial (1)		Kadar Bukan Komersial (2)		
		Iklan Bercahaya	Iklan Tidak Bercahaya	Iklan Bercahaya	Iklan Tidak Bercahaya	
1. Iklan pengenalan yang dipasang di atas tanah, panduan penghuni, maklumat tentang promosi pengiklanan atau tajaan dan termasuk iklan mendatar, menegak, tugu peringatan, ikon, pintu masuk, corak lantai dan harta tanah*	Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya	Tidak Melebihi 150.00	Tidak Melebihi 200.00	Tidak Melebihi 100.00	Tidak Melebihi 150.00	
	Bagi tambahan setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	40.00	50.00	25.00	40.00	
2. Iklan pengenalan yang dipasang pada dinding, maklumat tentang pengiklanan, promosi atau tajaan dan termasuklah tanda dinding rata, iklan kaki lima fasia, iklan gantung, iklan melunjur, iklan garis langit, panel dinding yang kekal, dinding mural dan grafik "super" iklan penggulung bidai atau tingkap	Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya	Tidak Melebihi 150.00	Tidak Melebihi 200.00	Tidak Melebihi 100.00	Tidak Melebihi 150.00	
	Bagi tambahan setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	40.00	50.00	25.00	40.00	

JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA DIBAYAR (RM)			
		Kadar Komersial (1)	Kadar Bukan Komersial (2)	Iklan Bercahaya	Iklan Tidak Bercahaya
		Iklan Bercahaya	Iklan Tidak Bercahaya	Iklan Bercahaya	Iklan Tidak Bercahaya
3. Struktur dan panel pameran pengiklanan yang dipasangkan di atas tanah, pada dinding dan/atau tiang yang bebas sokongan yang termasuklah—	Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya	Tidak melebihi 500.00	Tidak melebihi 1,000.00	Tidak melebihi	Tidak melebihi
(a) menara setiang dan papan iklan di atas sokongan yang banyak.	Bagi tambahan setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	150.00	250.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai
(b) poster pada teduhan bas, poster satu permukaan atau dwi-permukaan.	Bagi satu meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya	250.00	500.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai
	Bagi tambahan setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	75.00	125.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai
4. Iklan video digital elektronik bercahaya dengan mesej boleh berubah-ubah yang dipasangkan di atas tanah pada dinding dan/atau tiang yang bebas sokongan yang termasuklah—	Bagi setiap satu meter persegi atau sebahagian daripada hasil keseluruhan keluasan yang boleh diskrinkan			Tidak melebihi 2,000.00	
(a) iklan beranimasi atau bergerak yang terdiri daripada cahaya yang bergerak, berayun, berputar, bercahaya, berkelip, bersinar, berubah atau beranimasi;	Bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagian daripada hasil keseluruhan keluasan yang boleh diskrinkan.		500.00		
(b) penggunaan cahaya sinaran atau lampu cari, cahaya optik gentian atau laser;					

JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA DIBAYAR (RM)
-------------	----------	-------------------------

(c) pengawalan imej secara elektronik menggunakan matriks lampu pijar, katod sejuk yang dikawal oleh komputer, diod yang memancarkan cahaya(LED), pameran cecair hablur (LCD) sistem mesej "flip-flap" sistem televisyen, sistem VMS dan mana-mana sistem serupa yang lain.

Nota

- Nota (1) Terpakai bagi semua iklan persendirian yang ditempatkan di bangunan komersial, bangunan industri perkhidmatan, dan bangunan awam yang ditetapkan yang termasuklah terminal pengangkutan awam, Keretapi Transit Aliran Ringan dan tempat teduhan bas.
- Nota (2) Terpakai bagi iklan yang ditempatkan di atas bangunan persendirian atau dalam garis harta organisasi bukan Kerajaan, persatuan, kelab, pertubuhan dan lain-lain.
- * Iklan hartaanah Keluasan iklan yang melebihi 0.3 meter persegi
- ** Iklan tingkap Keluasan iklan yang melebihi 0.13 meter persegi

JADUAL KEDUA

[undang-undang kecil 14]

FI LESEN

LESEN JANGKA PENDEK

JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA DIBAYAR (RM)			
		Tidak Melebihi 7 hari	Tidak Melebihi 30 hari	Tidak Melebihi 60 hari	Tidak Melebihi 90 hari
1. Iklan yang dipasangkan di atas tiang atau digantung (atas sepanduk atau panji-panji)	Bagi setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	20.00	50.00	100.00	200.00
2. Iklan yang dipasangkan pada dinding atau digantung (atas sepanduk atau panji-panji)	Bagi setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	20.00	50.00	100.00	200.00
3. Iklan boleh kembung (termasuklah belon dan blim)	Tidak melebihi 15 meter persegi	100.00 (Kadar sama rata per unit)	250.00 (Kadar sama rata per unit)	500.00 (Kadar sama rata per unit)	750.00 (Kadar sama rata per unit)
4. Iklan raya	Bagi setiap 10 meter panjang	10.00	20.00	30.00	40.00

JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA DIBAYAR (RM)			
		Kadar Komersial (1)		Kadar Bukan Komersial (2)	
		Iklan Berkahaya	Iklan Tidak Berkahaya	Iklan Berkahaya	Iklan Tidak Berkahaya
5. Struktur pameran yang mudah alih dan boleh gerak (termasuklah iklan rangka-A, iklan kereta tolak, payung, karusel dan kotak kabinet berkahaya)	Tidak terpakai	50.00 (Kadar sama rata per unit)	100.00 (Kadar sama rata per unit)	150.00 (Kadar sama rata per unit)	200.00 (Kadar sama rata per unit)
6. Iklan dindin adang (mesej atau pameran komersial di atas binaan dinding adang)	Bagi setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya	20.00	50.00	100.00	200.00
7. Iklan tunjuk arah (bagi rumah contoh, model rumah, tapak projek, pembukaan rasmi peristiwa komersial, acara pembangunan atau jualan	Tidak terpakai	100.00 (Kadar sama rata per unit)	250.00 (Kadar sama rata per unit)	500.00 (Kadar sama rata per unit)	750.00 (Kadar sama rata per unit)

JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA DIBAYAR (RM)
8. Mesej tajaan promosi dan pengiklanan elektronik boleh berubah-ubah yang dimasukkan ke dalam pameran digital elektronik rasmi, bandaraya atau awam (3)	Bagi setiap satu meter persegi atau sebahagian daripada hasil keseluruhan keluasan yang boleh diskrinkan	500.00 (3)
9. Mesej tajaan promosi dan pengiklanan yang dimasuk ke dalam sepanduk atau panji-panji rasmi, bandaraya atau awam (4)	Bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagian daripada hasil keseluruhan keluasan yang boleh diskrinkan. Bagi setiap satu meter persegi atau sebahagian daripada hasil keseluruhan keluasan yang boleh diskrinkan.	250.00 (3) 100.00 (4)
	Bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagian daripada hasil keseluruhan keluasan yang boleh diskrinkan.	50.00 (4)

Nota

Nota (3)

Terpakai kepada mesej tajaan, pengiklanan atau promosi persendirian boleh berubah-ubah yang muncul serentak dengan pameran elektronik digital rasmi, bandaraya atau awam semasa peristiwa, majlis atau acara istimewa. Masa mesej tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah masa pameran. Kadar komersial yang boleh dicaj bagi bandaraya adalah keseluruhan jangka masa pesta atau peristiwa, acara atau majlis rasmi.

Nota

Nota (4)

Terpakai kepada mesej tajaan, pengiklanan atau promosi persendirian yang dimasukkan ke dalam lampu jalan atau sepanduk atau panji-panji yang digunakan bagi peristiwa, majlis atau upacara rasmi, bandaraya atau perayaan. Keluasan pameran tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah keluasan sepanduk. Kadarkomersial yang boleh dicaj bagi bandaraya adalah keseluruhan jangka masa pesta atau peristiwa, acara atau majlis rasmi

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Kulim pada 18 April 2010
[MPKK.BUU.008002/SP UUK PBTNK/132]

*Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim*

Bertarikh 20 Oktober 2009
[PSU(K) 98/1396 Jld. 9 SK. 5]

*ABD. RASHID BIN OTHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

ADVERTISEMENT (KULIM MUNICIPAL COUNCIL)
BY-LAWS 2010

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

PART I

PRELIMINARY

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

PART II

LANGUAGE OF ADVERTISEMENT

3. Language of advertisement
4. Correct use of the national language
5. Use the word of "Halal"
6. Use of Jawi

PART II

LICENSING OF ADVERTISEMENT

7. Licensing of advertisement
8. Application for a licence
9. Duration of licence
10. Advertisement exhibited without licence
11. Transfer of licence
12. Advertisement exempted from licence